

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN MAJLIS PERHIMPUNAN GURU-GURU TAKMIR MASJID  
SELURUH MALAYSIA

TEMPAT: PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 AUG 1988

MASA:

Bismillahirrohmanirrohim.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarokatuh.

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor,

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Abd. Hamid Othman,

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam

JPM;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan serta Para 'Alim Ulama yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala

kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya maka pada hari ini

kita telah diketemu dan dihimpunkan dalam dewan yang mulia

ini.

2. Saya penuh yakin perhimpunan dan pertemuan seumpama ini amat penting dan amat bermakna bagi kita dalam menyatu-padukan tenaga dan fikiran serta dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan yang telah diamanahkan kepada kita semua. Di samping itu kita juga berpeluang untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat mengenai berbagai-bagai perkara dan perkembangan semasa yang perlu diberi perhatian dan tindakan bersama.

Tuan-tuan sekalian,

3. Agama Islam berkembang ke seluruh pelosok dunia melalui proses penyebaran. Tugas menyebarkan Islam kepada manusia telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. melalui berbagai cara dan pendekatan yang sesuai dengan suasana serta keadaan masyarakatnya. Dengan itu Islam dapat diterima dengan baik oleh mereka. Salah satu aspek penting yang ditonjolkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. dalam menyebarkan Islam ialah memastikan bahawa Islam adalah agama yang mencintai keamanan dan keharmonian. Perkataan Islam itu sendiri memberi makna keamanan.

4. Kerana itulah Baginda telah berjaya menyebarkan Islam dalam bentuk yang harmoni serta amat cermat dan teliti. Ini termasuklah daripada segi tutur kata atau tindakan yang dilakukannya. Baginda juga menyebarkan Islam secara berperingkat-peringkat dengan mengutamakan perkara-perkara pokok dan penting, serta mengambil kira keadaan dan suasana masyarakat, khususnya daripada segi sosial, budaya, taraf pemikiran, iklim keagamaan dan sebagainya. Hakikat ini

haruslah dijadikan pengajaran kepada kita bahawa sebarang usaha bagi melaksanakan syariat atau peraturan Islam hendaklah diasaskan kepada bimbingan dan panduan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Janganlah kita angkuh dan sombong dengan agama kita sehingga menyakitkan hati orang lain dan menjauhkan mereka daripada agama kita.

Tuan-tuan sekalian,

5. Kebijaksanaan atau hikmah dalam menyebarkan ilmu, kebijaksanaan dalam tutur kata, kebijaksanaan dalam sesuatu tindakan, serta kebijaksanaan dalam menerajui pimpinan merupakan di antara pendekatan yang berkesan dan penting bagi menjamin keharmonian kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dalam hubungan inilah pentingnya seseorang yang berilmu itu menggunakan kebijaksanaannya supaya segala tindakannya akan berasaskan kepada keperluan dan perkembangan semasa. Dalam hal ini, keilmuan dan kebijaksanaan merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Namun demikian masih terdapat di kalangan masyarakat Islam di negara ini segolongan atau kumpulan-kumpulan tertentu yang arif serta mempunyai kepakaran dalam suatu bidang ilmu pengetahuan, tetapi kurang menggunakan kebijaksanaan dalam menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka. Keadaan sedemikian telah menimbulkan berbagai kesan negatif dalam kehidupan masyarakat.

6. Sebenarnya kegagalan kita dalam menjalankan sesuatu tugas dengan cara yang bijaksana, cermat dan teliti menyebabkan pelaksanaan beberapa program dan rancangan untuk kemajuan agama dan negara terbantut dan tidak mencapai objektif sepertimana yang dirancangan. Di samping itu terdapat pihak-pihak tertentu yang mengambil peluang dan kesempatan daripada keadaan yang berlaku untuk membuat berbagai tafsiran serta telahan secara membuta tuli yang mengelirukan umat Islam sehingga mereka gagal menghadapi cabaran hidup. Tindakan golongan ini sebenarnya memperlihatkan bahawa mereka telah gagal menggunakan kebijaksanaan mereka dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

7. Orang yang bijaksana ialah orang yang benar-benar mengenal pasti punca sesuatu masalah itu, serta bersedia membantu mengatasi dan mengurangkan masalah-masalah tersebut; dan bukan pula berbuat sebaliknya. Justeru itu hadirin sekalian mungkin dapat mengkaji dan memikirkan kemurnian kebijaksanaan atau hikmah sepertimana yang dituntut oleh Islam.

Tuan-tuan sekalian,

8. Allah menjadikan manusia dengan berbagai kelebihan dan keistimewaan, di samping tidak sunyi daripada berbagai kelemahan dan kesilapan. Namun demikian setiap orang daripada kita mempunyai potensi atau kemampuan untuk menjadi umat yang memiliki kebolehan, keupayaan serta kekuatan

kerana kita telah dibekalkan oleh Allah Subhanahu wa Taala panduan yang lengkap dan sempurna, iaitu Al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w.

9. Di zaman moden ini, ilmu amat mudah diperolehi. Ilmu juga boleh memberi tempat dan kedudukan yang tinggi kepada pemilikinya. Amatlah malang jika ilmu diperolehi oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Dalam sejarah Islam perpecahan berlaku kerana ada pihak-pihak yang memiliki ilmu tetapi menggunakannya untuk kepentingan diri atau kumpulannya sahaja. Dengan itu, maka tafsiran-tafsiran agama di buat berbeza-beza sehingga umat Islam yang disatukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. berpecah kepada berbagai mazhab, tarikat dan kepercayaan. Kadang-kadang permusuhan yang ketat, bahkan peperangan berlaku antara pengikut-pengikut mazhab dan kepercayaan yang berlainan ini. Kumpulan Qadiani dan beberapa tarikat yang salah muncul kerana orang yang berilmu tidak bertanggungjawab.

10. Kadang-kadang terdapat pula orang-orang Yahudi dan Nasrani yang menguasai ilmu agama Islam dengan niat untuk mengkritik dan memburukkannya. Mereka ini berjaya mengeluarkan buku-buku dan risalah-risalah yang sering mengelirukan dan memecahbelahkan umat Islam.

11. Oleh sebab ini, amatlah penting kita berhati-hati tentang penerimaan orang yang berpengetahuan Islam sebagai ulama. Seseorang itu tidak menjadi ulama hanya kerana ia memiliki pengetahuan tentang agama Islam. Kajian perlu dibuat tentang ajaran yang disampaikan olehnya, tentang kepentingannya dan amalan hidupnya sebelum seseorang itu diterima dan diiktiraf sebagai ulama. Jika tidak, ajaran-ajaran sesat dan berkepentingan, yang sudah pun terdapat di negara kita, akan berkembang dengan lebih pesat lagi dan akhirnya umat Islam di Malaysia akan berpecah dan bermusuhan sesama sendiri.

12. Bahaya dan kemungkinan perpecahan berlaku di kalangan umat Islam di Malaysia tidak boleh dipandang ringan. Bahaya ini tidak begitu ketara dahulu. Tetapi sekarang ini, bahaya ini meningkat kerana umat Islam, khususnya anak-anak muda Islam, lebih berminat dengan agama dan pembangunan rohaniah di samping pembangunan material. Di samping itu, aliran kebangkitan Islam seluruh dunia mempengaruhi umat Islam di Malaysia untuk mendalami lagi pengetahuan mereka mengenai Islam. Dengan ini umat Islam di Malaysia amat mudah dipengaruhi oleh sesiapa sahaja yang menyamar sebagai ulama. Jika dahulu orang Islam di Malaysia mempunyai hanya satu mazhab sahaja dan tidak ada perselisihan pendapat berkenaan cara-cara beribadat, hari ini sudah ada berbagai kumpulan dengan amalan-amalan dan kepercayaan-kepercayaan yang berbeza-beza kerana terpengaruh dengan tafsiran daripada ramai yang mendakwa diri mereka ulama. Di antara mereka ada yang terus sesat kerana percayakan kepada sesuatu sebagai tafsiran Islam, yang sebenarnya bercanggah dengan Islam. Ada juga seorang dua yang 'kecewa' dengan Islam dan sanggup meninggalkannya untuk agama lain atau menjadi

'agnostic' iaitu orang yang tidak beragama. Ada juga yang melancarkan perang 'sabil' dengan pedang dan terbunuh kerananya.

13. Kerana kepercayaan yang berbeza-beza yang kadang-kadang dikaitkan dengan kepentingan lain, permusuhan antara orang Islam bukan sahaja berlaku tetapi berlaku dengan ketatnya. Cara-cara mengembangkan fahaman agama tidak lagi berpandu kepada kebijaksanaan, tetapi diasaskan kepada paksaan. Pemuluan antara kumpulan yang berkenaan kerap berlaku yang bukan sahaja memisahkan antara yang terlibat, tetapi memberi imej yang buruk kepada Islam di kalangan mereka yang bukan Islam.

14. Nampaknya kita sudah terlanjur dan kita perlu balik ke pangkal jalan. Di sinilah peranan ulama yang sebenarnya. Mereka harus membelakangkan semua kepentingan lain dalam usaha mereka mengembalikan masyarakat Islam di Malaysia kepada ajaran Islam yang sebenar. Ajaran Islam yang sebenar ialah Islam seperti yang diterangkan dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi. Perbezaan yang terdapat sekarang ialah disebabkan oleh tafsiran yang berbeza-beza oleh tokoh-tokoh Islam yang tertentu. Ulamak yang tidak ada kepentingan lain daripada Islam haruslah menentukan kesahihan dan kebenaran ajaran yang datang daripada berbagai punca. Inilah sebenarnya tugas ulama.

15. Dengan penjelasan agama Islam yang sebenar, masyarakat akan hilang sebarang kekeliruan. Nilai-nilai Islam yang suci dan mulia itu akan memandu kita. Tidak dapat tidak, masyarakat Islam akan menjadi masyarakat yang kukuh dan kuat yang mampu melindungi umat Islam daripada bermacam tekanan dan pengaruh yang boleh melemahkan umat Islam dan negara mereka.

16. Alhamdulillah, kesedaran sudah pun bermula dengan persetujuan dua buah negara Islam menghentikan peperangan yang membazir di Asia Barat. Mudah-mudahan kesedaran ini akan berkembang ke seluruh dunia Islam.

Tuan-tuan yang dihormati,

17. Sebagai golongan yang mempunyai kewibawaan dalam bidang Islam, adalah diharapkan tuan-tuan menggunakan pendekatan Islam dengan bijaksana untuk menyedar, menyatupadu dan membangunkan umat Islam di Malaysia supaya mampu memelihara agama dan diri mereka. Tuan-tuan harus menjaga kekuatan kepimpinan Islam supaya Islam tidak terancam dengan kelemahan material atau rohaniah. Umat Islam mestilah menguasai ilmu dunia dan akhirat supaya dapat bersaing dengan pihak-pihak lain dengan jayanya.

18. Dengan penuh kesyukuran terhadap kurniaan Allah Subhanahu wa Taala dan dengan lafaz Bismillahorrohmanirrohim, saya merasmikan Majlis Perhimpunan Guru-guru Takmir Masjid Seluruh Malaysia ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum

warahmatullahi wabarakatuh.